

21 DEC 2000

DR MAHATHIR UCAP TERIMA KASIH

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencapai usia 75 tahun semalam mengucapkan berbanyak terima kasih kepada orang ramai yang mengucapkan selamat hari jadi kepada beliau.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan hari ini oleh Pejabat Perdana Menteri, Dr Mahathir berasa terharu dengan ucapan-ucapan selamat dan tahniah daripada pelbagai lapisan rakyat kepada beliau melalui kiriman kad-kad hari jadi dan ucapan melalui radio.

"Datuk Seri Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah menghantar kek-kek hari jadi dan jambangan-jambangan bunga kepada beliau," kata kenyataan itu lagi.

-- BERNAMA

NHD AHH PR